



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE



**MULIANYA UMAT
DENGAN ADAB**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ
الشَّيْطَانَ يَنْزَعُ بَيْنَهُمْ^ج إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ
لِلْإِنْسَنِ عَدُوًّا مُّبِينًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ

اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ

فَازَ الْمُتَّقُونَ.


قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ

حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾



SERUAN KHATIB KEPADA JEMAAH AGAR;



- 
- **Meningkatkan ketakwaan kepada Allah**
 - **Melaksanakan segala perintah Allah**
 - **Meninggalkan segala perkara yang dilarang Allah**
 - **Semoga kita diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat**
 - **Tidak berbual-bual dan leka dengan telefon bimbit**



Tajuk Khutbah Jumaat

MULIANYA UMAT

DENGAN ADAB



Bahagian Pengurusan Masjid (BPM)
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)



ZAMAN INI, KEHIDUPAN KITA MELAKARKAN;



MANUSIA

**Kurang
adabnya**

**Kasar tutur
katanya**

**Hina dalam
bicaranya**

**Akhlak seperti
tidak beriman**

PENDEKATAN SECARA ILMIAH;

Ayat 53, al-Isra' bermaksud;

“Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-Ku (yang beriman),” Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (kepada orang yang menentang kebenaran). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan dalam kalangan mereka (yang beriman dan yang menentang). Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi manusia.”





ALLAH SWT MENDIDIK MANUSIA AGAR;



Berkata lembut tetapi tegas

**Berkata-kata dengan
perkataan yang paling baik**



**Tidak menggunakan lidah untuk
memutuskan silaturahmi dan ukhuwah**

FITRAH MANUSIAWI YANG SENTIASA BERBEZA DAN BERSELISIH PANDANGAN;

Ayat 118-119, Hud bermaksud;

“Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaknya, tentu Dia menjadikan semua manusia ini umat yang satu (namun tidak berbuat demikian) dan disebabkan itulah mereka terus-menerus berselisih faham. Kecuali orang yang dikurniakan rahmat



FITRAH MANUSIAWI YANG SENTIASA BERBEZA DAN BERSELISIH PANDANGAN;

Ayat 118-119, Hud bermaksud;

oleh Tuhanmu (mereka bersatu dalam rahmat Allah) dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah mencipta manusia. Dengan itu, sempurnalah janji Tuhanmu, dan Aku pasti akan memenuhi neraka Jahanam dengan jin dan manusia (yang berdosa)”





AYAT 118-119, SURAH HUD INI MENJELASKAN BAHAWA ;



**Walaupun manusia itu
dijadikan mempunyai
perbezaan pandangan,
namun wujud hikmah
disebaliknya**

KEHIDUPAN MANUSIA YANG BERHADAPAN PERMUSUHAN DAN PERTUMPAHAN DARAH;

Sabda Nabi SAW yang bermaksud;

“Aku telah memohon kepada Tuhanku tiga perkara. Maka Dia memperkenankan untukku dua daripadanya, dan menolak satu. Aku memohon kepada Tuhanku agar Dia tidak membinasakan umatku dengan kemarau panjang (kelaparan), lalu Dia memperkenankannya untukku. Aku juga memohon agar



KEHIDUPAN MANUSIA YANG BERHADAPAN PERMUSUHAN DAN PERTUMPAHAN DARAH;

Sabda Nabi SAW yang bermaksud;

Dia tidak membinasakan umatku dengan tenggelam (banjir besar), lalu Dia memperkenankannya untukku. Dan aku memohon agar Dia tidak menjadikan permusuhan dan pertumpahan darah berlaku sesama mereka, maka Dia tidak memperkenankannya untukku.”

(Riwayat Muslim).





**ULAMA BERPENDAPAT, PERSELISIHAN YANG TERJADI
DALAM KALANGAN MANUSIA ADALAH KERANA;**



**Allah SWT mahu menguji
hamba-hamban-Nya
bagaimana menguruskan
perbezaan yang wujud**



SESUNGGUHNYA.!!;



Perbezaan adalah suatu rahmat



Perbezaan yang terlahir daripada sikap amarah dan sangka buruk mencetuskan perpecahan dan kebencian



Kita diajar untuk sentiasa bersangka baik



Pra sangka buruk akan menimbulkan kebencian



KITA PERLU SEDAR BAHAWA;



**Sangka buruk adalah
pintu permusuhan**



**Sangka buruk akan merosakkan
hubungan sesama manusia**



**Orang beriman itu sentiasa
memaafkan, tidak membenci**



AJARAN ISLAM MENDIDIK UMATNYA AGAR SENTIASA;



**Berlapang dada bila berhadapan
perbezaan pendapat**

**Menjauhi sikap cepat menghukum
dan tak'sub pandangan sendiri**

**Menjaga hati dan persaudaraan
sesama muslim**

TAWADUK SEORANG TOKOH;

Imam al-Syafie menukilkan;

“Aku tidak pernah berdebat dengan seseorang pun melainkan aku suka jika dia memperoleh kebenaran (bukan kesalahan). Dan tidak ada ilmu yang ada dalam hatiku melainkan aku ingin agar semua orang juga memilikinya, tanpa perlu dinisbahkan kepadaku.”





ADAB SEBAGAI SEORANG ULAMA SEJATI YANG SENTIASA;



Tidak menutup ruang perbezaan



Tidak cepat menolak dan memperlekehkan



Meluaskan kefahaman dan berlapang dada

PENERIMAAN NABI SAW APABILA SAHABAT-SAHABATNYA MEMAHAMI ARAHAN DENGAN CARA BERBEZA;

Sabda Nabi SAW bermaksud;

“Janganlah seseorang di antara kamu solat Asar melainkan di Bani Quraizah”. Di pertengahan jalan, sebahagian sahabat menyedari waktu Asar telah masuk. Sebahagian mereka berkata, “Kita tidak akan solat sehingga sampai ke sana



PENERIMAAN NABI SAW APABILA SAHABAT-SAHABATNYA MEMAHAMI ARAHAN DENGAN CARA BERBEZA;

Sabda Nabi SAW bermaksud;

dan sebahagian lagi berkata, “Bahkan kita solat sekarang, kerana Baginda SAW tidak bermaksud sedemikian.” Apabila perkara itu disampaikan kepada Nabi SAW, Baginda tidak menyalahkan seorang pun daripada mereka.”

(Riwayat al-Bukhari).





PERISTIWA TERSEBUT MENGAJAR KITA BAHAWA;



Perbezaan kefahaman perlu diuruskan dengan adab dan sikap berlapang dada



Islam meraikan perbezaan dengan penuh hikmah



Perlunya berbincang dan cari titik persamaan apabila berbaza pandangan



RAIKANLAH AKHLAK DAN ADAB-ADABNYA SUPAYA;



CONTOH DAN TELADAN DARIPADA SIKAP RASULULLAH SAW YANG SENTIASA BERAKHLAK MULIA;

SABDA NABI SAW

AYAT AL-QURAN

MAKSUD HADIS

MAKSUD AYAT

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ لَمْ يَكُنْ فَاحِشًا وَلَا
مُتَفَحِّشًا، وَقَالَ: إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ
أَحْسَنَكُمْ أَخْلَاقًا.



CONTOH DAN TELADAN DARIPADA SIKAP RASULULLAH SAW YANG SENTIASA BERAKHLAK MULIA;

SABDA NABI SAW

AYAT AL-QURAN

MAKSUD HADIS

MAKSUD AYAT

“Sesungguhnya Rasulullah SAW bukanlah seorang yang berkata keji dan bukan pula orang yang melakukan perkara keji. Lalu bersabda Rasulullah SAW: “Sesungguhnya orang yang paling aku cintai di antara kamu ialah yang paling baik akhlaknya.”

(Riwayat al-Bukhari).





AMAT MALANG JIKA UMAT MANUSIA HARI INI;



**Sibuk memberi perhatian
kepada perbezaan pandangan**



**Membiarkan perbezaan pandangan
memecah belahkan saf**



KETAHUILAH BAHAWA KESATUAN HAKIKI HANYA AKAN TERCAPAI APABILA KITA;



**Berserah diri sepenuhnya
kepada Allah SWT**



Menjaga akhlak dan adab



**Menjauhi segala bentuk
penyelewengan dan yang
bertentangan Islam**



PENGAJARAN DARIPADA KHUTBAH INI ADALAH;



1

**KEMULIAAN BUKAN PADA BANYAK
ILMU ATAU TINGGI KEDUDUKAN
TETAPI PADA ADAB DAN AKHLAK**

2

**DAHULUKAN PERSAUDARAAN
BERBANDING PERBEZAAN**

3

**CONTOHILAH AKHLAK RASULULLAH
SAW YANG BERADAB DALAM
MENEGUR DAN PENUH HIKMAH**

TUNTUTAN BERSIKAP LEMAH LEMBUT DAN BERADAB;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا
غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ
عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا
عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ.

TUNTUTAN BERSIKAP LEMAH LEMBUT DAN BERADAB;




“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah ruah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), kamu bersikap lemah lembut terhadap mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu). Dan sekiranya kamu bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang dilakukan oleh mereka terhadapmu)



AMARAN ALLAH SWT;

dan mohonkanlah keampunan bagi mereka serta bermesyuaratlah dengan mereka dalam apa-apa urusan (peperangan dan soal keduniaan). Kemudian, apabila kamu telah berazam, maka bertawakallah kepada Allah. Maka sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada-Nya .”

(Surah Ali Imran :159).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي

الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا

فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي

وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

خطبه کدوا

KHUTBAH KEDUA

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ
هُدًى لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اِتَّقُوا
اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.





إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.





اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ

يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ
الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ
الدِّينِ، وَأَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ
وَوُلاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى،
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظِّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ،

سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ

ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ

الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِّمِ الْعَوْنَ

وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،




وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ
سَلاخُور، تَغْ كُو أَمِير شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ
شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا
الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.



Ya Allah! Engkau bantulah saudara-saudara kami di Palestin yang sedang bertarung dengan kelaparan, kekurangan bekalan air bersih, tekanan kehidupan dan masalah kesihatan yang sangat kritikal.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ

أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ

حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.





عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ

وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ

عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ
وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE

Disediakan oleh:

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor